

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 4 ( 69 )

31 Oktober 2017  
11 Safar 1439

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 36/2017

### PELAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI STAF SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) BAGI TAHUN 2017 (e-LPPT / e-LNPT 360° / e-LNPT)

Sistem Penilaian Prestasi merupakan instrumen penting untuk menilai pencapaian prestasi semasa seorang pegawai Perkhidmatan Awam. Bagi mencapai hasrat berkenaan, pelaksanaan Penilaian Prestasi Staf UTM dilaksanakan melalui sistem berikut:-

- a) e-LPPT - Penilaian Prestasi Secara Dalam Talian Untuk Staf Akademik.
- b) e-LNPT 360°- Penilaian Prestasi Secara Dalam Talian Untuk Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 hingga Gred 54).
- c) e-LNPT - Penilaian Prestasi Secara Dalam Talian Untuk Staf Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke Bawah (termasuk jawatan Tutor Gred DA41).

2. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab bagi setiap staf termasuk yang tidak memilih Sistem Saraan Malaysia (SSM) untuk mengisi dan melengkapkan borang e-LPPT / e-LNPT 360° / e-LNPT dalam tempoh yang telah ditetapkan. **Jadual pelaksanaan Penilaian Prestasi bagi tahun 2017 adalah seperti di Lampiran.**

3. Sila ambil perhatian bahawa setiap staf (yang layak) adalah tidak dikecualikan daripada mengisi dan melengkapkan borang e-LPPT/e-LNPT 360°/e-LNPT termasuk staf yang telah berada di tahap matagaji maksimum.

4. Borang yang telah siap diisi oleh Pegawai Yang Dinilai (PYD) hendaklah dikemukakan secara *online* kepada Pegawai Penilai mengikut tempoh yang ditetapkan. Pegawai penilai juga bertanggungjawab untuk membuat penilaian dalam tempoh yang telah ditetapkan.

...2/-

5. PYD yang gagal melengkapkan borang penilaian serta Pegawai Penilai yang gagal membuat penilaian yang dipertanggungjawabkan boleh disifatkan sebagai melanggar peraturan semasa dan tindakan tatatertib boleh dikenakan ke atas staf berkenaan. Tindakan pentadbiran yang akan diambil kepada PYD dan Pegawai Penilai adalah seperti berikut:

- a) Tiada Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)\*;
- b) Tidak layak menerima sebarang anugerah pada tahun semasa (termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang);
- c) Tidak disambung perkhidmatan kontrak (bagi staf kontrak);
- d) Ditangguhkan bayaran ganjaran kontrak (*gratuity of contract*) (bagi staf kontrak) \*

6. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada semua pihak amatlah diperlukan bagi memastikan pelaksanaan penilaian prestasi bagi tahun 2017 dapat dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Bagi memastikan markah prestasi dapat disediakan dalam tempoh yang ditetapkan bagi tujuan pelaksanaan kenaikan gaji tahunan, penganugerahan, kenaikan pangkat, Dasar Pemisah, pengesahan dalam perkhidmatan dan sebagainya, **tiada pelanjutan tempoh pembukaan sistem penilaian prestasi akan dipertimbangkan.**

7. Oleh yang demikian, semua pihak adalah berperanan untuk memastikan Jadual Penilaian Prestasi Tahunan Staf dipatuhi **Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan berkuatkuasa mulai Pekeliling ini diedarkan.** .

Sekian, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,

  
**(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

LAMPIRAN

JADUAL PELAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF BAGI TAHUN 2017

TARIKH	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
1 Oktober 2017 hingga 31 Oktober 2017	<b>Tempoh akhir</b> pengemaskinian klasifikasi dan kelayakan PYD/Pegawai Penilai (PPP/PPK)	PSM PTJ
1 November 2017 hingga 30 November 2017	Pemakluman klasifikasi dan pelantikan Pegawai Penilai kepada PYD/PPP/PPK (termasuk urusan pindaan klasifikasi)	PSM PTJ
1 Disember 2017 hingga 31 Disember 2017	<b>Tempoh akhir</b> pengemaskinian borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan pencapaian kerja sebenar tahunan (Sasaran Kerja Tahunan (SKT)/Key Amal Indicator (KAI)) secara <i>online</i>  <i>Nota: Sebarang rayuan daripada PYD selepas tarikh ini tidak akan dipertimbangkan.</i>	PYD
1 Januari 2018 hingga 14 Januari 2018	a) <b>Tempoh pengesahan akhir</b> maklumat penerbitan, webometrik dan projek komuniti (eLPPT) b) Penilaian dan pengisian markah 360° oleh PPR dan PPS (eLNPT 360°)	Perpustakaan, Pejabat Hal Ehwal Korporat (Unit Pembangunan Web) dan Pusat Jaringan Komunikasi Industri (CCIN)
15 Januari 2018 hingga 28 Januari 2018	a) <b>Tempoh pengesahan akhir</b> maklumat dan penilaian Pegawai Penilai Pertama b) Pemakluman/perbincangan markah bersama PYD c) Pengesahan/rayuan/semakan semula markah  <i>Nota: Bagi eLPPT, tempoh akhir bagi PPP mengesahkan rekod 7P</i>	PPP
29 Januari 2018 hingga 11 Februari 2018	Tempoh Penilaian Pegawai Penilai Kedua	PPK
12 Februari 2018 hingga 19 Februari 2018 (1 minggu)	Semakan Urus setia dan PSM PTJ	Urus setia dan PSM PTJ

TARIKH	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
20 Februari 2018 hingga 5 Mac 2018 (2 minggu)	a) Mesyuarat PPSM PTJ  b) Penyediaan dan penghantaran maklumat untuk PPSM Universiti	PSM PTJ
6 Mac 2018 hingga 19 Mac 2018 (2 minggu)	Mesyuarat PPSM Universiti	Urus setia

**Nota :**

- PYD : Pegawai Yang Dinilai  
 PPP : Pegawai Penilai Pertama  
 PPK : Pegawai Penilai Kedua  
 PPR : Pegawai Penilai Rakan Sekerja  
 PPS : Pegawai Penilai Subordinat  
 PSM : Pengurusan Sumber Manusia  
 PTJ : Pusat Tanggungjawab  
 PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia